

Duti Setem Ke Atas Surat Cara Perjanjian Kontrak Pembinaan

Mulai 1 Januari 2009, duti setem ke atas surat cara perjanjian perkhidmatan termasuk kontrak pembinaan telah diselaraskan supaya tertakluk kepada duti setem pada kadar *ad valorem* sebanyak RM5 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya. Kementerian Kewangan telah mengkaji semula isu pengenaan duti setem *ad valorem* ke atas surat cara perjanjian kontrak berkaitan dengan projek pembinaan memandangkan pada kebiasaannya projek pembinaan melibatkan *multi tier* yang mana surat cara perjanjian kontrak bagi projek yang sama akan disempurnakan di beberapa peringkat. Semua surat cara perjanjian kontrak tersebut tertakluk kepada duti setem pada kadar *ad valorem*. Dengan ini, duti setem pada kadar *ad valorem* dikenakan banyak kali ke atas projek yang sama.

Setelah menimbangkan kedudukan perkara ini, YB Menteri Kewangan selaras dengan kuasanya di bawah seksyen 80(2), Akta Setem 1949 telah bersetuju seperti berikut:

- i. Dalam keadaan kontrak ditawarkan oleh Kerajaan, di peringkat pertama iaitu perjanjian yang ditandatangani antara Kerajaan dengan kontraktor utama, pihak yang kena membayar duti setem adalah Kerajaan. Dengan itu, surat cara perjanjian kontrak berkenaan dikecualikan duti setem. Duti *ad valorem* hanya dikenakan di peringkat kedua iaitu ke atas perjanjian yang disempurnakan oleh kontraktor utama dengan sub kontraktor. Surat cara perjanjian yang disempurnakan di lain-lain peringkat dikenakan duti tetap RM50.00 sahaja dan duti selebihnya diremitkan;
- ii. Dalam keadaan kontrak ditawarkan oleh pihak lain selain dari Kerajaan, duti setem pada kadar *ad valorem* dikenakan ke atas surat cara perjanjian kontrak yang disempurnakan oleh pihak tersebut dengan kontraktor utama iaitu di peringkat pertama. Surat cara perjanjian seterusnya hanya dikenakan duti tetap sebanyak RM50.00 sahaja dan duti selebihnya diremitkan; dan
- iii. Sekiranya projek berkenaan dibatalkan oleh pihak yang menawarkan kontrak dan duti setem telah pun dibayar ke atas semua surat cara perjanjian kontrak berkenaan, hanya duti *ad valorem* sahaja akan dipulangkan. Manakala duti setem pada kadar tetap sebanyak RM50.00 yang telah dibayar ke atas lain-lain surat cara perjanjian tidak akan dipulangkan.

Kelulusan peremitan duti setem ini berkuat kuasa mulai 15 Julai 2009. Walau bagaimanapun, memandangkan perintah peremitan duti setem berkenaan tidak dapat diwartakan dengan segera, kelulusan peremitan duti setem akan diberi secara kes demi kes di bawah seksyen 80(1A), Akta Setem 1949, sekiranya terdapat permohonan sebelum perintah berkenaan berkuat kuasa.